

Kongsi pengalaman penulisan penyelidikan pasca siswazah



PEMANGKU Penolong Rektor bahagian Akademik, UNISSA, Dr. Haji Hambali bin Haji Jaiili hadir (depan, tengah) selaku tetamu kehormat pada Kolokium Siswazah Kebangsaan 2021.

GADONG, Isnin, 19 April. - Kolokium Siswazah Kebangsaan 2021 telah berjaya dilaksanakan selama satu hari penuh di Dewan Auditorium Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Kolokium ini buat julung kalinya diadakan secara berkolaborasi melalui penganjuran bersama Pusat Pengajian Siswazah,

UNISSA dan Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) sebagai langkah mengukuhkan jalinan kerjasama yang sedia ada antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan di Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui penglibatan aktiviti para siswazah,

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

hari ini, di sini.

Aktiviti ilmiah ini merupakan salah satu kaedah pendedahan kepada calon siswazah terhadap dunia penyelidikan melalui medan diskusi, di samping peluang melebarkan jaringan dalam bidang penyelidikan bersama calon siswazah di luar institusi masing-masing.

Antara objektif kolokium ini ialah untuk mengongsikan pengalaman penulisan penyelidikan pasca siswazah di IPT tempatan mengikut bidang kajian masing-masing serta membuka minda mereka melalui pembaharuan isu-isu semasa dalam pelbagai bidang disiplin ilmu.

Di samping itu, penganjuran kolokium ini memberi peluang kepada calon siswazah untuk membentangkan sorotan literatur penyelidikan yang sedang mereka jalankan serta mempertahankan kajian mahu pun hasil dapatan mereka sebelum menjalani

pembentangan *proposal* atau *viva* di peringkat fakulti / pusat dan universiti.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Penolong Rektor bahagian Akademik, UNISSA, Dr. Haji Hambali bin Haji Jaiili.

Turut hadir, Penolong Ra'es KUPU SB, merangkap Pengarah PPLIP (KUPU SB), Datin Dr. Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kaseh; Pengarah PPS (UNISSA), Dr. Hajah Sri Rahayu @ Nurjanah binti Haji Dollah yang juga selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kolokium Siswazah Kebangsaan 2021; Pemangku Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr. Abang Hazmin bin Haji Abang Taha; Pegawai-pegawai Utama UNISSA dan KUPU SB; ketua-ketua program siswazah serta para penilai kolokium.

Penyertaan bagi Kolokium Siswazah Kebangsaan 2021 telah dibukakan kepada semua Pascasiswazah Sarjana dan Ph.D

yang sedang mengikuti pengajian di universiti tempatan iaitu UNISSA, KUPU SB, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Sebanyak 40 kertas kerja dibentangkan dalam kolokium yang berlangsung selama sehari ini yang terdiri daripada hasil karya 22 siswazah UNISSA, 14 siswazah daripada KUPU SB, tiga siswazah daripada UTB dan seorang wakil daripada calon Ph.D, UBD.

Melalui aktiviti kolokium ini, para siswazah telah berkesempatan mendapatkan ulasan dan nasihat pembaikan daripada para penilai yang terdiri daripada tenaga-tenaga akademik keempat-empat buah universiti.

Hasrat daripada aktiviti ilmiah ini, para siswazah akan mampu menghasilkan penulisan tesis yang baik dan berkualiti, mahir menguasai metodologi kajian yang sesuai dan betul serta memahami keperluan sebenar sebuah Penyelidikan Ilmiah.

Dalam masa yang sama, kolokium ini menjadi platform bagi para siswazah untuk berani tampil di khalayak ramai mengongsikan pengetahuan dan melontarkan idea untuk sebuah perbincangan ilmiah dan pencambahan minda.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAAN ALLAH
كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

SINAR ILMU MEMALAPKAN KEJAHILAN

ILMU adalah cahaya dan hidayah yang menerangi kehidupan manusia dari kegelapan dan kejahilan. Pentingnya ilmu dalam kehidupan sehari-hari sudah tidak dapat dipertikaikan lagi. Sesungguhnya hukum menuntut ilmu adalah wajib dalam kehidupan seorang Muslim, kerana kunci bagi sebuah kejayaan untuk mencapai keselamatan, kesejahteraan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, ayat 18 yang mafhumnya :

"Allah menerangkan (kepada sekalian makhluk-Nya dengan dalil dan bukti) bahawa tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang mentadbir (seluruh alam) dengan keadilan, demikian juga para malaikat serta orang-orang yang berilmu (berikrar dan mengakui bahawa) tiada Tuhan melainkan Dia yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana".

Dalam Islam, kita telah dituntut dan diamanahkan untuk menerapkan pengetahuan ilmu agama kepada anak-anak sedari kecil, seperti kata pepatah 'melentur

buluh biarlah dari rebungnya'. Sudah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk menjaga dan melaksanakan amanah dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebaik-baiknya dengan memberikan pendidikan yang seimbang antara duniawi dan ukhrawi sesempurna yang termampu. Dengan pendidikan ilmu inilah yang akan membantu untuk membentuk dan menetapkan jati diri anak-anak tersebut untuk menjadi Muslim sebenar yang sejati.

Tanpa ilmu pengetahuan, manusia akan hidup dalam kegelapan dan kejahilan. Tidak mampu membezakan antara yang benar atau yang batil dan semestinya tidak akan pernah maju tanpa adanya ilmu. Hanya dengan ilmulah seseorang akan terhindar dan terselamat dari tipu daya syaitan. Seperti apa yang tertulis dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Fathir, ayat 28 yang mafhumnya :

"...Sesungguhnya yang takut kepada Allah di kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah ulama..."

Ulama yang dimaksudkan dalam ayat

tersebut ialah orang-orang yang mengetahui sifat kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala atau dengan erti kata lain adalah orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam agama khususnya Islam. Oleh itu dengan ilmu juga mampu membuatkan diri dan hati kita lebih dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Terlalu banyak manfaat dan kepentingan ilmu yang disebut dalam Al-Quran. Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 269 :

"Allah mengurniakan hikmah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesiapa yang dikurniakan hikmah itu, maka sesungguhnya dia telah dikurniakan kebajikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang mempunyai akal (yang dapat memikir dan memahaminya)".

Allah Subhanahu Wata'ala juga ada berfirman dalam Surah Az-Zumar, ayat 9 :

"...Katakanlah : "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan

orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang mengambil pengajaran hanyalah orang yang mempunyai akal (yang dapat memikir dan memahaminya)".

Ayat tersebut memberi penerangan yang jelas mengenai perbezaan yang amat ketara antara orang yang mempunyai ilmu dengan yang tidak berilmu. Sebagai kesimpulan, Allah Subhanahu Wata'ala menyebutkan betapa tingginya martabat orang yang berilmu. Semoga kita tergolong daripada kalangan orang-orang yang sentiasa ditambahkan ilmu pengetahuan, mempunyai fahaman para nabi, ilmu hafazan para rasul, mempunyai ilham para malaikat dan memperoleh keafiatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya akan mendapat kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

"...Nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat..."

(Surah Al-Mujadalah, ayat 11)

ALAI PINTAR

SOALAN 048

SOALAN 21 APRIL 2021, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Bilakah umat Islam mula berpuasa?
 - a) 5 Ramadan
 - b) 25 Syaaban
 - c) 1 Ramadan
2. Rosidah ada 5 biji epal. 3 biji epal diberikan kepada kawannya, Hisyam. Berapa biji epal yang tinggal?
 - a) 2 biji epal
 - b) 5 biji epal
 - c) Tiada yang tinggal
3. Kata seerti bagi 'kutip'?
 - a) Pungut
 - b) Tampil
 - c) Buang

TARIKH TUTUP : 03 MEI 2021

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 8300836 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
 Tarikh Lahir :
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
 Sekolah :
 Tahun :
 Alamat :
 Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER HUA HO DEPARTMENT STORE BERNILAI **BND38.00**

PEMENANG ALAI PINTAR 047 :
 Nama : Mohammad Erfan Raziq bin Md Eddy Sharin
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 01164690 Sekolah : Sekolah Menengah Sayyidina Hussin

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 47

1. b. Pemurah
2. a. Segan
3. c. 17 tahun